TEKS UCAPAN

YB DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

SEMPENA
MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-55 PELABURAN MARA BERHAD

28 JUN 2022 / 28 ZULKAEDAH 1443H
HOTEL SHANGRI LA, KUALA LUMPUR

TERIMA KASIH SAUDARA / SAUDARI PENGACARA MAJLIS.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْن، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِيْنَ.

SALUTASI SEWAJARNYA

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

SALAM KELUARGA MALAYSIA DAN SALAM SEJAHTERA

MUKADIMAH

1. Izinkan saya memulakan ucapan saya dengan membacakan sepotong hadis yang diriwayatkan oleh Abu Umamah R.A, bahawa Rasulullah S.A.W telah bersabda yang bermaksud ;

2. “Sesungguhnya Allah S.W.T, para malaikat dan semua penduduk di langit dan di bumi, sehinggakan semut di sarangnya dan ikan (di lautan) pasti berselawat (mendoakan) kebaikan bagi orang yang mengajarkan kebaikan kepada manusia”.

[Riwayat Al-Tirmizi, No. Hadis 2609]

3. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah Swt kerana dengan izin dan kurnia-nya kita dapat bersama-sama hadir dalam Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-55 Pelaburan MARA.

4. Pada kesempatan ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Pelaburan MARA Berhad kerana sudi menjemput saya untuk bersama-sama di majlis yang cukup bersejarah. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada seluruh warga MARA atas usaha yang begitu komited dalam menjayakan program kita yang telah tertangguh dari tahun sebelum ini akibat pandemik.

PELABURAN MARA BERHAD

Hadirin Yang Dikasihi Sekalian,

5. Pelaburan MARA Berhad yang dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham MARA Berhad merupakan pelopor saham amanah bumiputera negara. Pelaburan MARA Berhad ditubuhkan pada 24 jun 1967 sebagai Amanah Saham MARA Berhad.

6. Syarikat ini lahir daripada Aspirasi Kerajaan Malaysia yang memfokuskan satu entiti yang mampu mewakili bumiputera dalam ekonomi negara. Ini merupakan satu tanggungjawab berat yang harus dipikul oleh mereka yang terlibat.

7. Amanah Saham MARA Berhad diamanahkan untuk mengujudkan kesedaran dan mendidik golongan bumiputera untuk terlibat dalam pelaburan dan seterusnya meningkatkan pegangan ekuiti golongan ini yang pada ketika itu hanya tertumpu kepada sektor pertanian dan perikanan.

8. Dengan ini, golongan bumiputera akan terlibat secara langsung dalam ekonomi negara terutamanya mempunyai pegangan ekuiti di syarikat-syarikat tersenarai di pasaran saham.

PERKEMBANGAN PELABURAN

Hadirin yang dikasihi sekalian,

9. Dalam menyambut Ulang Tahun Pelaburan MARA ke-55 ini, saya amat berbangga melihat Pelaburan MARA Berhad kekal dan semakin berkembang sejak awal penubuhannya. Sebagai sebuah organisasi yang ‘hidup’, saya lihat Pelaburan MARA terus berusaha untuk menyesuaikan diri agar mampu memenuhi kehendak pasaran dan sehingga kini telah banyak inisiatif baru yang diperkenalkan.

10. Pelaburan MARA turut sama membentuk lanskap kewangan negara dengan penglibatannya dalam industri ini sejak lebih lima dekad lalu. Selain daripada penglibatan dalam pengurusan unit amanah, kumpulan ini turut terlibat dalam pembiayaan kewangan, pengurusan aset, perkhidmatan nasihat korporat selain perkhidmatan data pelaburan.

11. Penglibatan dalam industri hijau adalah antara fokus kerajaan dalam penjagaan alam sekitar yang turut menjadi fokus Pelaburan MARA. Pelaburan MARA turut bekerjasama dengan pihak Evergreen Corporate Sdn. Bhd. sebagai penasihat kewangan korporat dalam usaha pihak Evergreen Corporate Sdn. Bhd. mendapatkan dana untuk pembinaan kilang pemprosesan tayar

terpakai untuk yang diproses menjadi minyak diesel industri dan karbon hitam pencetak.

12. Tambahan pula, pihak Evergreen Corporate Sdn.Bhd. berpengalaman luas dalam industri ini dan merupakan pelopor dalam memproses tayar terpakai menjadi diesel gred industri di malaysia. Gabungan pengalaman kedua-dua belah pihak yang cukup mantap.

13. Syabas dan tahniah saya ucapkan kerana Pelaburan MARA Berhad terus mampan, berprestasi tinggi dan kekal sehingga ke hari ini dengan pelbagai inisiatif dan aktiviti perniagaan yang menguntungkan.

PELANCARAN DANA TERBAHARU

Hadirin yang dikasihi sekalian,

14. Pada suku ke-4 tahun ini, saya difahamkan antara perancangan Pelaburan MARA di peringkat kumpulan ialah untuk melancarkan sebuah lagi dana baharu iaitu Dana Saham Amanah berkonsepkan *Environmental, Social And Governance (ESG)*. Setelah lebih lima dekad dalam industri ini, pengalaman serta pencapaian kumpulan Pelaburan MARA cukup lantang untuk

membuktikan keupayaan mereka untuk kekal relevan dalam industri pelaburan saham amanah.

15. Masyarakat harus mengambil kesempatan dengan melabur ke dalam dana-dana unit amanah PMB Investment berdasarkan pengalaman yang luas dalam industri pengurusan saham dan ekuiti. Semua ini berupaya dicapai dengan adanya komitmen dan dedikasi daripada semua pihak termasuk ahli lembaga pengarah dan pemegang-pemegang taruh.

16. Kerjasama erat di setiap peringkat ini harus menjadi contoh kepada semua syarikat serta agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar agar objektif untuk membantu meningkatkan kesejahteraan masyarakat terutama di luar bandar, tercapai.

DANA SYARIAH

Hadirin yang dikasihi sekalian,

17. Selaras dengan kepesatan industri kewangan islam, Dana Unit Amanah Syariah merupakan sektor dalam pasaran modal islam yang wajar diberi perhatian memandangkan mekanismenya melibatkan pengumpulan dana yang besar. Dana yang terkumpul kemudiannya akan disalurkan bagi tujuan pelaburan yang

diuruskan secara cekap oleh pengurus dana profesional dan berpengalaman.

18. Berdasarkan statistik Suruhanjaya Sekuriti sehingga 30 april 2022, terdapat 282 Dana Syariah pelbagai kategori dengan 211.0 bilion unit dalam edaran bersamaan dengan nilai aset bersih bernilai rm115 bilion. Ini bermakna, Dana Unit Amanah Syariah membentuk hampir 23 peratus daripada keseluruhan nilai aset bersih Pasaran Saham Amanah. Ternyata potensi untuk dana syariah berkembang amat tinggi.

19. Pada hari ini, PMB Investment selaku pengurus Dana Islamik berlesen akan membuka peluang kepada masyarakat pelabur untuk meneroka pasaran 'Greater China' yang merangkumi bukan sahaja Tanah Besar China malah Taiwan and Hong Kong pada harga mampu milik.

20. Saya yakin dana ini akan mendapat sambutan kerana buat masa sekarang pasaran China sangat berpotensi kerana ianya merupakan antara kuasa terbesar ekonomi dunia. Saya difahamkan pelaburan permulaan dana ini hanya rm1,000 untuk pelabur individu dan rm10,000 bagi pelabur korporat. Harapan saya semoga dana ini dapat merekodkan prestasi cemerlang dan memberi pulangan menggalakkan kepada para pelabur, Insya Allah.

21. Saya percaya kumpulan ini mampu ke tahap yang lebih tinggi dengan adanya pengalaman dan penglibatan dalam pembangunan pasaran kewangan dan pelaburan di Malaysia juga di luar negara.

22. Dalam pengurusan Saham Amanah, pastinya terdapat persaingan tambahan pula para pelabur kini semakin bijak dalam membuat keputusan pelaburan. Dana yang diperkenalkan hari ini juga merupakan dana syariah ketiga yang melabur ke dalam pasaran luar negara.

23. PMB Investment telah menawarkan pelbagai produk. Di antaranya adalah Pmb Shariah Global Equity Fund pada oktober 2021 dan Pmb Shariah Asean Stars Fund pada 2020 yang menawarkan pulangan yang menggalakkan. Saya percaya ramai pelabur yang telah meraih pulangan memuaskan daripada pelaburan mereka di PMB Investment.

24. Lanjutan daripada itu, besar harapan saya agar semua agensi dan anak-anak syarikat di bawah KPLB untuk memberi komitmen dan terus menyokong perkembangan pelaburan mara melalui pelbagai peluang pelaburan yang disediakan.

KEJAYAAN ANAK SYARIKAT PELABURAN MARA

Hadirin yang dikasihi sekalian,

25. PMB Tijari Berhad merupakan salah sebuah anak syarikat Pelaburan MARA yang memberi bantuan modal dalam bentuk ‘contract financing’ kepada para usahawan. Aktiviti PMB Tijari merupakan peranan sokongan/sambungan kepada peranan mara dalam membangun usahawan terutama usahawan bumiputera.

26. Sehingga kini PMB Tijari telah membantu hampir 240 orang usahawan dengan pembiayaan bernilai rm250 juta. Syabas saya ucapkan kepada pengurusan Pelaburan MARA di atas pencapaian ini dan saya ingin menyarankan kepada pihak MARA dan MARA Corporation untuk terus memberikan sokongan kepada PMB Tijari menerusi suntikan dana pusingan pembiayaan agar mereka dapat membantu lebih ramai usahawan yang memerlukan bimbingan nasihat profesional dan pembiayaan.

PENIPUAN DALAM PELABURAN

Hadirin yang dikasihi sekalian,

27. Sejak lima tahun kebelakangan ini, ramai rakyat malaysia telah terpedaya dan mengalami kerugian hampir rm2.23 bilion sepertimana kenyataan Polis Diraja Malaysia baru-baru ini.

28. Pelaburan yang tidak wujud ini turut menggunakan nama PMB Investment dalam mencari mangsa penipuan pelaburan dengan menawarkan pelbagai jenis pelaburan dengan kadar keuntungan yang tidak munasabah.

29. Pelbagai peringkat profesion turut menjadi mangsa penipuan ini. Paling terkesan di hati saya adalah apabila golongan pesara turut menjadi mangsa penipuan ini.

30. Oleh itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan pihak Pelaburan MARA Berhad untuk menganjurkan taklimat pelaburan kepada kakitangan MARA dan juga kakitangan KPLB yang lain agar mereka mendapat pendedahan awal mengenai pelaburan selain tidak terpedaya dengan pelaburan yang tidak wujud ini.

PENUTUP

Hadirin yang dikasihi sekalian,

31. Akhir kata, saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah sempena Ulang Tahun Ke-55 Kepada Pelaburan MARA Berhad. Teruslah menjulang nama di persada antarabangsa dan menjadi sebuah institusi pelaburan yang berjaya serta dipandang tinggi oleh pesaing.

32. Dengan lafaz **Bismillahhirrahmanhirrahim** saya dengan sukacitanya meyempurnakan Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-55 Pelaburan MARA Berhad.

Sekian, terima kasih.